

Polis siasat Muhyiddin keluarkan 'fatwa' haram

Bekas Perdana Menteri akan dipanggil dalam masa terdekat

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bukit Aman sedang menjalankan siasatan terhadap kenyataan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang didakwa mengeluarkan 'fatwa' haram me-

ngundi calon Pakatan Harapan (PH) dalam kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) yang sedang berlangsung di Johor ketika ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata siasatan terhadap bekas perdana menteri yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu sedang dijalankan Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman.

Beliau berkata, siasatan itu dibuat selepas polis menerima satu laporan berhubung kenyataan Muhyiddin itu yang dibuat di ibu negara, semalam.

"Ya kita ada terima satu la-

poran polis dan kita sudah buat siasatan. Kita akan panggil beliau (Muhyiddin) dalam masa terdekat," katanya kepada media semalam.

Sebabkan kegenteran awam

Razaruddin berkata, siasatan terhadap Muhyiddin dijalankan mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksan iaitu mengeluarkan kenyataan yang menyebabkan ketakutan dan kegenteran awam.

Katanya, siasatan turut dijalankan terhadap Presiden BERSATU itu mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.

Terdahulu, Muhyiddin dikata-

kan mengeluarkan 'fatwa' haram mengundi calon PH itu, ketika berucap dalam kempen ceramah PRK Parlimen Pulau di Nusa Bontari, Johor Bahru, kelmarin.

Muhyiddin dilaporkan berkata, tindakan itu sebagai menunjukkan bantahan dan kemarahan pengundi di Parlimen Pulau berikutan Kerajaan Perpaduan tidak membantu rakyat dalam kesusahan.

"Jangan bagi satu undi pun kepada pihak Suhaizan Kayat (calon PH di Parlimen Pulau), bekas Speaker (DUN Johor). Jangan bagi satu undi pun.

"Saya bagi hukum haram. Ada yang esok mencabar saya ini,

"Siasatan terhadap Muhyiddin dijalankan mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksan iaitu mengeluarkan kenyataan yang menyebabkan ketakutan dan kegenteran awam"

Razarudin Husain, Ketua Polis Negara



ikut fatwa mana. Namun tak boleh (undi) kerana situasi yang sudah berlaku sekarang, sudah sembilan bulan berlalu, (pelbagai) ujian (dihadapi rakyat) macam soal kenaikan harga barang," katanya.